

# WTC 2025: Resolusi pacu pelancongan lestari



Liana Sahabudin dan Nursallawati Salber

**BANDA HILIR** – Persidangan Pelancongan Sedunia (WTC) 2025 memberi peluang kepada Malaysia khususnya Melaka berkongsi pandangan serta cadangan dalam usaha memperkukuh sektor pelancongan.

Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh berkata, persidangan itu sejajar dengan indikator Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) yang digariskan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

"Alhamdulillah acara berprestij ini mendapat sambutan membesar dengan kehadiran delegasi pelancongan dari seluruh dunia bagi membincangkan hala tuju industri pelancongan global.

"Melaka amat berbesar hati menjadi tuan rumah bagi persidangan ini yang

bukan sahaja meraikan seni, budaya dan industri pelancongan, tetapi juga membincangkan dasar dan strategi pembangunan sektor ini pada peringkat global.

"Resolusi yang dibincangkan amat penting kerana ia memberi tumpuan kepada pelancongan lestari dan memberi impak positif terhadap pertumbuhan ekonomi, termasuk Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara dan bandar-bandar utama," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyampaikan ucapan pada WTC 2025 di sebuah hotel, di sini, 28 September lalu.

Hadir sama, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Seri Tiong King Sing; Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Wira Ibrahim Durum; Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Wira Azhar Arshad serta Timbalan Ketua Setiausaha Pelan-



AB Rauf dan kenamaan bergambar bersama pada Persidangan Pelancongan Sedunia (WTC) 2025 di sebuah hotel di Banda Hilir. Foto Iqmal Haqim Rosman

congan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC), Chua Choon Hwa.

Turut hadir, Exco Kanan Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana negeri, Datuk Rais Yasin; Exco Pelancongan, Warisan, Seni dan Budaya negeri, Datuk Wira Abdul Razak Abdul Rahman serta barisan Exco dan Timbalan Exco Kerajaan Negeri.

Ab Rauf berkata, kehadiran delegasi antarabangsa

jelas menunjukkan minat yang tinggi terhadap pengajuran persidangan ber-

prestij ini.

"Acara ini sekali gus membuka ruang lebih luas

untuk kerjasama antara-bangsa dalam bidang pelancongan," katanya.

## Melaka kaji sistem pelayaran Hop-On-Hop-Off

**BANDA HILIR** – Kerajaan Negeri sedang menjalankan kajian berhubung sistem pelayaran Hop-On-Hop-Off sebagai alternatif pengangkutan di negeri ini.

Timbalan Exco Pelaburan, Perindustrian dan Pembangunan TVET Negeri, Datuk Khaidhirah Abu Zahar berkata, warisan, komuniti serta inovasi merupakan tiga dimensi yang mendefinisikan Melaka dan menjadi asas yang menyumbang kepada pelancongan global secara mampan.

Beliau berkata, sebagai sebuah negeri pelancongan mobiliti lestari turut menjadi keutamaan di Melaka.

"Bagi mengurangkan kesesakan dan isu parkir di Banda Hilir teksi air telah dipertimbangkan sebagai alternatif pengangkutan.

"Malah Kerajaan Negeri juga sedang menjalankan kajian mengenai sistem pelayaran Hop-On-Hop-Off bagi menghubungkan hotel, tarikan dan fasiliti utama di sepanjang sungai," katanya.

Beliau berkata demikian semasa ucapan khas sempena Persidangan Pelancongan Sedunia (WTC) 2025 di sebuah hotel, di sini, 28 September lalu.

Menurutnya, transformasi yang dilakukannya Kerajaan Negeri juga berjaya menghidupkan kembali Sungai Melaka sehingga Melaka River Cruise kini menjadi terkenal dan merekodkan seramai 15 juta pengunjung sejak 2006.

"Transformasi Sungai Melaka adalah suatu kisah ikonik, dahulunya hanya sungai yang tercemar dan terbiar tetapi kini ia bukan sekadar ikon pelancongan sebaliknya menjadi pentas penganjuran tahunan Festival Sungai dan program antara-bangsa.

"Malah, secara tidak langsung membuka peluang pekerjaan, menyokong perniagaan kecil serta memperkayakan kehidupan komuniti dan ini membuktikan bahawa pelancongan lestari mampu melindungi persekitaran sambil memacu pertumbuhan ekonomi," katanya.

Jelasnya, dalam era globalisasi yang semakin mencabar, Melaka kekal memilih untuk memelihara warisan berbanding keuntungan jangka pendek dan pendekatan itu adalah untuk memastikan identiti serta legasi sejarah terus utuh.

## Melaka buktikan upaya anjur acara bertaraf dunia

**BANDA HILIR** – Kepercayaan yang diberikan kepada Melaka untuk menganjurkan acara bertaraf dunia, sekali gus mengukuhkan kedudukan negeri ini sebagai destinasi pelancongan terkemuka dunia.

Acara itu termasuk sambutan Hari Pelancongan Sedunia (WTD) dan Persidangan Pelancongan Dunia (WTC) 2025 serta pelancaran Tahun Melawat Malaysia 2026 (VM 2026).

Exco Pelancongan, Warisan, Seni dan Budaya negeri, Datuk Wira Abdul Razak Abdul Rahman, berkata pengajuran dua acara berprestij itu merupakan pengiktirafan besar kepada Melaka.

"Alhamdulillah, kita berjaya melaksanakan majlis perasmian WTD dan WTC 2025, malah kita juga melakar sejarah baharu apabila



ABDUL RAZAK

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim melancarkan VM 2026 di Melaka dan ia cukup membanggakan bukan sahaja bagi negeri ini, tetapi juga negara," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menghadiri Persidangan Pelancongan Sedunia (WTC) 2025 yang disempurnakan oleh Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh di sebuah hotel di sini, 28 Sep-

tember lalu.

Abdul Razak berkata, kepercayaan itu hasil komitmen berterusan Kerajaan Negeri dalam memastikan setiap acara yang dianjurkan mencapai standard antarabangsa dan memberikan impak positif kepada sektor pelancongan serta ekonomi setempat.

"Ini bukti bahawa Melaka mempunyai kemampuan dan rekod pengajuran yang diyakini. Namun ia tidak mungkin tercapai tanpa kerjasama erat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) serta pelbagai agensi kerajaan dan pihak berkepentingan," katanya.

Menurutnya, sambutan luar biasa pada pelancaran VM 2026 juga membuktikan perancangan yang teliti oleh Kerajaan Negeri berjaya menarik perhatian pelancong dan masyarakat.



KHAIDHIRAH